

29/04/1997

Tiga pemimpin Gerakan disenarai calon BN

TELUK INTAN, Isnin - Tiga nama pemimpin Gerakan, termasuk seorang calon luar dipercayai disenaraikan sebagai calon Barisan Nasional (BN) untuk pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Intan, 17 Mei ini.

Bagaimanapun, Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata nama calon BN itu tidak dapat diumumkan lagi, kerana belum diserahkan atau mendapat persetujuan Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berita Harian difahamkan tiga yang disenaraikan sebagai calon itu ialah Naib Pengerusi Gerakan Teluk Intan, Fong Fuh Meng; Ahli Jawatankuasa Gerakan Teluk Intan, Dr Tan Chin Cheng dan Naib Pengerusi Gerakan Perak, Dr Choo Soo Chok, seorang pemimpin parti dari Kampar.

Menurut Dr Lim, beliau akan menyerahkan senarai nama calon kepada Perdana Menteri untuk mendapat persetujuan sebelum dapat mengumumkan calon berkenaan, katanya kepada pemberita selepas berjumpa pemimpin dan ahli Gerakan di sini, malam tadi.

(END)